

Artikel oleh:  
ARIF MANDANGAN

## Retreat Program Matematik Dengan Grafik Berkomputer Siri 2 2014

Bertempat di Bilik Mesyuarat Penyelidikan Fakulti Sains dan Sumber Alam, Retreat Program Matematik dengan Grafik Berkomputer Siri 2 2014 telah diadakan pada 5-7 Ogos 2014. Program 3 hari ini diadakan bertujuan untuk memantapkan lagi dokumentasi Program Matematik dengan Grafik Berkomputer. Antara pengisian retreat adalah audit dalaman fail-fail kursus bagi kursus-kursus yang ditawarkan pada Semester 2 Sesi 2013/2014. Ini adalah sebagai langkah awal bagi menghadapi audit dalaman dan luaran peringkat universiti. Selain itu, pengemaskinian dokumen-dokumen MQA pra dan pasca siswazah Program MCG turut diadakan. Bagi melicinkan penyelarasan Latihan Industri, Projek Tahun Akhir serta Sistem Mentor-Mentee, sesi perbincangan sesama pensyarah turut diadakan. Ini termasuklah memurnikan borang-borang sedia ada, penyediaan buku panduan penulisan disertasi, penyediaan takwim LI dan FYP serta perancangan aktiviti-aktiviti sepanjang semester 1 sesi akademik 2014/2015. Secara keseluruhannya, Retreat MCG Siri 2 2014 telah berjaya mencapai matlamat bagi memantapkan lagi pengurusan serta pelaksanaan Program MCG.

